



JABATAN MUFTI NEGERI PERLIS

Garis Panduan
Pengurusan Jenazah
Umat Islam Negeri Perlis



Garis Panduan
Pengurusan Jenazah
Umat Islam Negeri Perlis



Garis Panduan Pengurusan Jenazah Umat Islam Negeri Perlis

© Jabatan Mufti Negeri Perlis 2022

Cetakan Pertama 2022

Cetakan Kedua 2024

ISBN 978-629-97076-2-2

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengulang cetak mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa-apa jua bentuk sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain, sebelum mendapat izin secara bertulis daripada SS Mufti, Jabatan Mufti Negeri Perlis.

Atur huruf, reka letak dan percetakan oleh:
GLOBAL SMART PRINTINGS SDN. BHD. (973382-T)
A-G 19&20, Jalan UP 1/1A,
Spring Ville, Taman Ukay Perdana,
68000 Ampang Jaya, Selangor.
Tel: 012-232 1344
E-mel: globalsmartprint@gmail.com

Diterbitkan oleh:
JABATAN MUFTI NEGERI PERLIS
Tingkat 1, Blok A, Bangunan Dato' Mahmud Mat,
01000 Kangar, Perlis.
Tel: 04-979 4428
Faks: 04-976 3844

KANDUNGAN

	<i>Titah Perutusan DYTM Tuanku Raja Muda Perlis</i>	v
	<i>Kata Aluan Sahibus Samahah Mufti Negeri Perlis</i>	vii
1.0	Pendahuluan	1
2.0	Amalan-amalan Sebaik Sahaja Kematian	3
3.0	Memandikan Jenazah	10
4.0	Mengkafankan Jenazah	16
5.0	Mengiringi Jenazah	19
6.0	Solat Jenazah	22
7.0	Pengebumian Jenazah	30
8.0	Adab-adab Menziarahi Kubur	36
9.0	Amalan-amalan untuk Si Mati	39

*"Rasulullah SAW melarang membuat plaster kubur
(seperti dengan simen, kapur atau seumpamanya),
duduk di atasnya dan dibuat binaan di atasnya."*

(Riwayat Muslim)



**TITAH PERUTUSAN
DYTM TUANKU RAJA MUDA PERLIS
MERANGKAP YANG DIPERTUA
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS (MAIPs)**



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan para sahabat Baginda sekalian.

Alhamdulillah, pertamanya Beta merakamkan ucapan puji dan syukur yang tidak terhingga ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin, limpah, kurnia dan rahmat-Nya jua, Beta diberi kesempatan menyempurnakan Titah Perutusan di dalam buku "*Garis Panduan Pengurusan Jenazah Umat Islam Negeri Perlis*".

Sukacitanya Beta menzahirkan ucapan tahniah dan syabas kepada Jabatan Mufti Negeri Perlis di atas usaha menerbitkan buku ini. Buku garis panduan ini menghimpunkan tatacara tentang soal hukum hakam ibadah berkaitan pengurusan jenazah bagi orang Islam bermula dari awal berlakunya kematian hinggalah selesai proses pengubumian.

Selain itu, terdapat juga panduan untuk ahli waris melakukan amalan yang bermanfaat untuk ahli kubur berdasarkan petunjuk dari al-Quran dan al-Sunnah. Justeru, buku garis panduan ini hendaklah dijadikan rujukan utama bagi semua pihak yang terlibat dengan pengurusan jenazah dan tanah perkuburan Islam di negeri Perlis, kerana ia telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis dan telah diperakukan dalam Persidangan Mesyuarat Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs).

Akhir tiatah, Beta berharap mudah-mudahan garis panduan yang diterbitkan ini dapat memberi banyak manfaat kepada segenap lapisan masyarakat yang membacanya.

Amin Ya Rabbal 'Alamin.

Sekian,

Wabillahitaufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**DYTM TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA
IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL
D.K., S.P.M.P., P.A.T
RAJA MUDA PERLIS**

Termaktub di Istana Arau
Arau, Perlis
Malaysia

Tarikh: 23hb. Mac 2023



"Keselamatan ke atas kamu semua wahai penghuni kubur dalam kalangan yang beriman dan muslim. Sesungguhnya kami insya-Allah akan menuruti kamu semua nanti, saya memohon kepada Allah untuk mengurniakan kepada saya dan kamu semua kesejahteraan."

(Riwayat Muslim)



SEKAPUR SIRIH SEULAS PINANG

SAHIBUS SAMAAH PROFESOR DATO' ARIF PERKASA
DR. MOHD ASRI BIN ZAINUL ABIDIN
MUFTI NEGERI PERLIS



إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا
وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ
لَهُ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ، أما بعد ...

Kematian adalah sesuatu yang pasti. Tiada siapa yang dapat mengecualikan dirinya atau keluarganya daripada kehadiran maut dalam hidup. Setiap yang melalui pintu kelahiran ke dunia ini, pasti akan keluar meninggalkannya melalui pintu kematian.

Kematian atau maut merupakan peristiwa yang sangat penting dalam hidup setiap insan. Bahkan kematian merupakan peristiwa paling penting yang setiap kita akan menghadapinya. Sama ada suka atau tidak, kehadiran maut pasti akan tercatat sebagai peristiwa penamat kehidupan dunia seseorang. Sama ada kita cuba melupakannya atau sentiasa mengingatkannya, maut tetap hadir tanpa memaklumkan tarikhnya terlebih dahulu.

Besarnya kesan episod kematian itu menyebabkan kita melakukan amalan baik dan mengelakkan amalan jahat kerana

kita tahu bahawa kematian akan hadir bagi membawa kita ke pengadilan atas apa yang kita lakukan. Betapa banyak kehendak dan nafsu kita terhalang apabila kita mengingati kematian yang akan hadir bila-bila masa sahaja dan mengeluarkan kita daripada kehidupan dunia ini kepada kehidupan yang hakiki. Betapa banyak pula kesedihan dapat dibendung apabila mengetahui kita akan mati dan di sana ada syurga yang menjadi kehidupan hakiki yang bebas daripada segala derita jika kita berjaya mendapatkannya. Betapa banyak kekecewaan kita terhadap kezaliman dan ketidakadilan dapat kita ubati kerana kita meyakini bahawa di sana ada Hari Pemutus (*Yaum al-Fasl*) yang maha adil di mana setiap yang zalim akan menerima balasannya. Dalam kata lain, segala derita dunia dapat diringankan dengan mengingati kematian dan apa yang akan berlaku selepas kematian. Segala kehendak dalam dunia ini dapat dikawal dengan menyedari bahawa kematian akan hadir.

Begitu juga kesedihan kita atas kematian orang lain juga akan dapat dikurangkan dengan mengingati bahawa kita juga akan mati nanti. Ruang untuk kembali bertemu masih ada. Bahkan ruang untuk bersama menikmati kehidupan syurgawi yang bahagia tanpa derita, gembira tanpa kecewa, suka tanpa duka, senyuman tanpa tangisan, kesenangan tanpa keperitan, keselesaan tanpa kepenatan menanti bagi yang layak.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Ra'd, ayat 22–24:

وَالَّذِينَ صَبَرُوا أَبْتِغَاءَ وَجْهِ رَبِّهِمْ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً وَيَدْرَءُونَ بِالْحَسَنَةِ السَّيِّئَةَ أُولَٰئِكَ لَهُمْ عُقْبَى الدَّارِ ﴿٢٢﴾ جَنَّتٌ عَدْنٍ يَدْخُلُونَهَا وَمَن صَلَحَ مِنْ

ءَابَائِهِمْ وَأَزْوَاجِهِمْ وَذُرِّيَّتِهِمْ^ط وَالْمَلَائِكَةُ يَدْخُلُونَ عَلَيْهِمْ مِنْ
كُلِّ بَابٍ ۖ سَلَامٌ عَلَيْكُمْ بِمَا صَبَرْتُمْ فَنِعْمَ عُقْبَى الدَّارِ ﴿٢٤﴾

Maksudnya: “Dan mereka yang sabar kerana mencari keredhaan Tuhan mereka, dan mendirikan solat, serta membelanjakan dari apa yang Kami rezekikan kepada mereka, secara bersembunyi atau secara terbuka; dan mereka pula menolak kejahatan dengan cara yang baik; mereka itu semuanya disediakan bagi mereka balasan yang sebaik-baiknya pada hari akhirat; Iaitu syurga yang kekal yang mereka akan memasukinya bersama-sama orang-orang yang mengerjakan amal soleh dari ibu bapa mereka dan isteri-isteri mereka serta anak-anak mereka; sedang malaikat-malaikat pula akan masuk kepada mereka dari tiap-tiap pintu; (memberi hormat dengan berkata): “Selamat sejahteralah kamu berpanjangan, disebabkan kesabaran kamu. Maka amatlah baiknya balasan amal kamu di dunia dahulu”.

Dalam Islam, bagi maut atau kematian itu ada perkara yang berkait dengan bab akidah, ibadah, munakahat, muamalat harta dan akhlak.

Dari sudut akidah, ia berkaitan dengan keimanan kita tentang alam barzakh, iaitu alam kehidupan selepas mati, azab kubur dan seterusnya kehidupan di Hari Akhirat kelak. Kepercayaan kita tentang doa dan amalan soleh yang boleh memberikan manfaat kepada si mati dan hal-hal yang tidak dapat kita buktikan dengan pancaindera biasa, tetapi kita meyakinkannya

disebabkan akidah kita yang percaya tentang Hari Kiamat dan alam selepas kematian. Begitu juga berkaitan akidah larangan mempercayai khurafat dan tahayul tentang alam kematian seperti mempercayai roh berpindah dari satu tubuh ke tubuh yang lain dan seumpamanya.

Dari sudut ibadah, kematian mempunyai perkara-perkara yang wajib dan sunat yang diminta untuk dilaksanakan oleh mereka yang masih hidup berkaitan si mati. Kewajipan menguruskan jenazah sehingga dikebumikan mayat. Dalam urusan tersebut yang membabitkan mandi, kapan, solat dan selainnya terdapat pelbagai hukum sama ada wajib ataupun sunat. Di samping itu juga terdapat larangan-larangan tertentu dalam pelaksanaan perkara-perkara tersebut. Selepas jenazah dikebumikan, masih terdapat perkara-perkara berkait dengan ibadah seperti doa dan solat di perkuburan bagi yang terlewat.

Dari sudut munakahat, terdapat hukum-hakam yang berbangkit disebabkan kematian. Ini seperti hukum-hakam berkaitan isteri atau suami yang masih hidup. Bab 'iddah kematian. Hukum-hakam mahram yang berkaitan dengan si mati seperti status adik ipar perempuan apabila isteri telah meninggal dan seumpamanya.

Dari sudut muamalat harta juga akan muncul beberapa hukum berkaitan apabila berlakunya kematian. Ini khususnya membabitkan hutang, wasiat dan pusaka.

Demikian juga berkaitan dengan adab-adab kita yang masih hidup dengan mereka yang telah mati. Ini seperti adab memberi salam kepada ahli kubur, larangan berjalan dan duduk di atas kubur dan seumpamanya. Begitu juga, sebagai tanda



kasih dan sayang yang tidak putus, di sana terdapat amalan-amalan yang boleh dilakukan oleh kita yang masih hidup untuk kebaikan mereka yang telah mati. Amalan-amalan yang ada asasnya daripada ajaran Islam, bukan sesuatu yang tahayul, khurafat atau bid'ah.

Demikian besarnya kejadian maut itu, betapa ia sangat signifikan dalam kehidupan manusia yang menjadi jambatan menghubungkan kehidupan di dunia yang fana ini dengan akhirat yang kekal. Kematian juga akan mengubah dimensi fikir ramai manusia. Justeru, agama ini memperincikan apa yang sepatutnya dilakukan oleh seseorang dalam beberapa tempoh sebelum kematian muncul, semasa ia muncul dan selepas ia terjadi.

Ajaran dan contoh teladan yang ditunjukkan oleh Nabi SAW memenuhi keperluan setiap kita dalam menghadapi episod kematian yang sering kita saksikan berlaku dalam kalangan kita. Dengan adanya panduan daripada ajaran Nabi SAW dapatlah diteguhkan keimanan kepada Hari Pembalasan, diberikan penghormatan kepada si mati, disedarkan yang hidup akan hakikat kematian, diredakan kesedihan, dilunaskan sebahagian dari kerinduan, disambung kebaktian, ditangkis khurafat dan pelbagai lagi.

Justeru, menyedari pentingnya untuk kita mengikuti jalan yang telah ditunjukkan oleh Nabi Muhammad SAW dalam berinteraksi dengan peristiwa kematian ini supaya kita berada di atas sunnah Rasulullah SAW dan terpelihara dari khurafat dan bid'ah serta terus dapat berbakti kepada si mati dengan cara yang terdapat dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah, maka buku ringkas '*Garis Panduan Pengurusan Jenazah Umat Islam Negeri Perlis*' ini diterbitkan oleh Jabatan Mufti Negeri Perlis.

Buku ini telah memperincikan perkara yang perlu dilakukan oleh seseorang muslim bagi menguruskan jenazah ahli keluarga atau jiran atau sahabat handai atau ahli kariah berpandukan apa yang telah ditunjukkan oleh Nabi SAW serta para sahabat dan tabi'in bermula ketika dalam keadaan nazak sehinggalah selepas dikebumikan. Disebut juga beberapa adab yang baik selaras dengan syarak. Apa yang menarik, buku ini menggariskan tatacara yang perlu dilakukan yang mana ia menjadi sunnah bagi memperolehi pahala dan perkara yang perlu ditinggalkan sama ada kerana terdapat larangan atau tiada sandaran yang sah.

Generasi salafussoleh sentiasa mengikuti jejak Baginda Nabi SAW dalam apa jua keadaan termasuk dalam pengurusan jenazah. Lihatlah bagaimana tabi'i al-A'war iaitu al-Harith berpesan agar jenazahnya diuruskan sebagaimana jenazah Rasulullah SAW:

أَوْصَى الْحَارِثُ أَنْ يُصَلِّيَ عَلَيْهِ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يَزِيدٍ، فَصَلَّى عَلَيْهِ
ثُمَّ أَدْخَلَهُ الْقَبْرَ مِنْ قِبَلِ رِجْلَى الْقَبْرِ، وَقَالَ: هَذَا مِنَ السُّنَّةِ.

Maksudnya: *Al-Harith mewasiatkan kepada Abdullah bin Yazid r.a. untuk mensolatkan jenazahnya. Maka Abdullah bin Yazid r.a. melakukannya, kemudian beliau memasukkan jenazah al-Harith ke dalam kubur dari arah bahagian kaki kubur. Kemudian beliau berkata: "Ini termasuk di dalam sunnah".*

(Riwayat Abu Daud – sahih)

Begitu juga Sa'ad bin Abi Waqqas r.a., dia berkata:

اَلْحَدُّوْا لِيْ لَحْدًا وَاَنْصُبُوْا عَلَيَّ اللَّيْنَ نَضْبًا، كَمَا صَنَعَ بِرَسُوْلِ
اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

Maksudnya: “*Buatkan lahad untukku (apabila jenazahku dimasukkan ke dalam kubur), dan dirikan bongkah tanah pada bukaan lahadku sepertimana yang dibuat pada kubur Rasulullah SAW.*”

(Riwayat Muslim)

Justeru, marilah kita bersama-sama memanfaatkan buku ini untuk pengetahuan dan persediaan serta panduan apabila berhadapan dengan jenazah yang hendak diuruskan. Semoga Allah SWT memberi taufik dan hidayah untuk kita beramal dengannya serta disebarkan kebaikan untuk umat nabi Muhammad SAW.

Akhirnya, saya ucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua kakitangan Bahagian Fatwa Jabatan Mufti Negeri Perlis di atas usaha yang bersungguh-sungguh dalam menerbitkan buku ini. Semoga semua pihak mendapat ganjaran yang besar di sisi Allah SWT.

Kangar,
Sept 2023

A decorative geometric pattern consisting of multiple overlapping white star-like shapes with eight points, centered on the page. The pattern is set against a background of a mosque with a large dome and minarets, visible through a semi-transparent overlay.

**KEPUTUSAN MESYUARAT
JAWATANKUASA FATWA NEGERI PERLIS
KALI KE - 58/2022**

29-30 JULAI 2022/
29 ZULHIJJA 1443H - 1 MUHARRAM 1444H

Diperakukan dalam
Persidangan Mesyuarat Majlis Agama Islam
dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs)
Bil. 4/2022 pada 5 Ogos 2022

GARIS PANDUAN PENGURUSAN JENAZAH UMAT ISLAM NEGERI PERLIS

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Pengurusan jenazah adalah suatu tuntutan syarak yang telah ditetapkan oleh Allah SWT terhadap umat Islam mengikut apa yang ditunjukkan oleh Nabi SAW dan para sahabat Baginda.
- 1.2 Asas pengurusan jenazah ialah jenazah diuruskan dengan cara yang paling baik, penuh kasih sayang dan memuliakan jenazah.
- 1.3 Apabila seseorang muslim berada dalam keadaan nazak, sunnah untuk diajarkan kalimah tauhid: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ. Ini berdasarkan hadis Nabi SAW:

لَقِّنُوا مَوْتَاكُمْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ.

Maksudnya: *Ajarkanlah orang yang hampir mati dalam kalangan kamu dengan kalimah lailahaillallah.*

(Riwayat Muslim)

- 1.4 Sunnah untuk menyegerakan pengurusan untuk pengebumian jenazah apabila telah nyata kematiannya. Ini seperti uruskan persiapan di tanah perkuburan, pemandian

jenazah, kafan dan lain-lain. Hal ini berdasarkan hadis daripada Abu Hurairah r.a.:

أَسْرِعُوا بِالْجِنَازَةِ.

Maksudnya: “Segerakanlah pengebumian jenazah...”

(Riwayat al-Bukhari)

- 1.5 Apabila seseorang muslim mendengar atau mendapat tahu berita tentang kematian seseorang, maka menjadi sunnah untuk mengucapkan lafaz *al-Istirja* (الاسترجاع), iaitu ungkapan kembali kepada Allah SWT:

إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ.

Maksudnya: “*Sesungguhnya kita adalah milik Allah dan kepada-Nya kita akan kembali.*”

- 1.6 Sunnah mengucapkan takziah kepada keluarga atau ahli waris si mati dengan ucapan sabar dan menggembirakan seperti doa:

إِنَّ لِلَّهِ مَا أَخَذَ، وَلَهُ مَا أُعْطِيَ، وَكُلُّ شَيْءٍ عِنْدَهُ بِأَجَلٍ مُّسَمًّى،
فَلْتَصَبِّرْ، وَلْتَحْتَسِبْ.

Maksudnya: “*Sesungguhnya milik Allah segala yang telah diambil dan milik-Nya jua segala yang telah diberi. Bagi setiap sesuatu di sisi-Nya mempunyai tempoh yang tertentu. Bersabarlah dan berharaplah pahala daripada Allah.*”

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

2.0 AMALAN-AMALAN SEBAIK SAHAJA KEMATIAN

2.1 Menutup Mata Jenazah

Sebaik sahaja kematian disahkan, maka menjadi sunnah untuk menutup mata jenazah. Hal ini berdasarkan hadis Ummu Salamah r.a. yang menceritakan:

دَخَلَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ عَلَى أَبِي سَلَمَةَ وَقَدْ شَقَّ بَصَرُهُ، فَأَغْمَضَهُ، ثُمَّ قَالَ: إِنَّ الرُّوحَ إِذَا فُيِّضَ تَبِعَهُ الْبَصَرُ.

Maksudnya: *Rasulullah SAW datang kepada Abu Salamah r.a. yang telah menghembuskan nafasnya yang terakhir dengan kedua-dua matanya terbuka, lalu baginda menutup kedua-dua kelopak matanya sambil berkata: "Sesungguhnya roh apabila diambil, diekori oleh mata."*

(Riwayat Muslim)

2.2 Mendoakan ke Atas Jenazah Ketika Menziarahinya

Mendoakan dengan apa-apa doa kebaikan untuk si mati. Ini seperti berdoa: *Ya Allah, ampunilah si fulan, tinggikanlah darjatnya dalam kalangan orang-orang yang diberi petunjuk.*

Ketika Nabi SAW menziarahi jenazah Abu Salamah r.a., Baginda mengucapkan:

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِأَبِي سَلَمَةَ، وَارْفَعْ دَرَجَتَهُ فِي الْمَهْدِيِّينَ، وَاخْلُفْهُ

فِي عَقْبِهِ فِي الْغَابِرِينَ، وَاعْفِرْ لَنَا وَلَهُ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ، وَافْسَحْ لَهُ فِي قَبْرِهِ وَتَوَرَّ لَهُ فِيهِ.

Maksudnya: “Ya Allah, ampunkanlah Abu Salamah*, tinggikanlah darjatnya dalam kalangan orang-orang yang diberi petunjuk, dan (Engkau) jadilah pengganti terhadap (urusan) keluarga yang ditinggalkannya, ampunkanlah kami dan dia (si mati), wahai Tuhan sekalian alam. Luaskanlah kuburnya dan kurniakanlah cahaya di dalam kuburnya.”

(Riwayat Muslim)

* Doa ini boleh diamalkan dengan mengubah nama Abu Salamah kepada nama si mati yang didoakan untuknya.

2.3 Tidak Membuka Keaiban Jenazah Tetapi Bercakap Tentang Kebaikan atau Mendoakan Kebaikan Untuknya

Dilarang menceritakan keburukan jenazah, mencela, menghina dan mengeluarkan perkataan keji. Nabi SAW berpesan dengan sabdanya:

لَا تَسُبُّوا الْأَمْوَاتَ فَتُؤْذُوا الْأَحْيَاءَ.

Maksudnya: “Janganlah kamu semua mencela orang-orang yang telah mati, sehingga kamu semua menyakiti mereka yang masih hidup.”

(Riwayat al-Tirmizi – sahih)

2.4 Menyelimut Keseluruhan Badannya Seperti yang Dilakukan kepada Jenazah Nabi SAW

Sunnah menyelimuti jenazah berdasarkan hadis ‘Aisyah r.a. katanya:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ حِينَ تُوُفِّيَ سَجَّى بِبُرْدٍ حَبْرَةٍ.

Maksudnya: “Bahawasanya Rasulullah SAW ketika wafat, baginda ditutup dengan selimut hibrarah (sejenis kain buatan Yaman).”

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

2.5 Jenazah Diletakkan di Tempat yang Tinggi Seperti Katil

Meletakkan jenazah di atas sesuatu yang sedikit tinggi dari paras lantai seperti katil, alat pengusung jenazah atau seumpamanya kerana ia merupakan suatu adab yang baik. Ibn Abbas r.a. berkata:

فَلَمَّا فَرَعُوا مِنْ جِهَازِهِ يَوْمَ الثَّلَاثَاءِ، وَضَعَ عَلَى سَرِيرِهِ فِي بَيْتِهِ.

Maksudnya: “Apabila selesai daripada membuat persediaan untuk jenazah Nabi SAW pada hari Selasa, Baginda diletakkan di atas katil di dalam rumahnya.”

(Riwayat Ibn Majah – hasan)

2.6 Diikatkan Daggu Jenazah Hingga ke Kepalanya, Diluruskan Anggota Badan dan Dilembutkan Sendinya Secara Cermat

Ini adalah bertujuan untuk mengelak mulutnya terbuka dan menyukarkan untuk menutupnya kembali apabila sendinya menjadi keras. Begitu juga dengan meluruskan anggota badan dan dilembutkan sendinya adalah untuk memudahkan proses memandikan serta mengkafankan jenazah. Ia juga bagi mengelakkan sesuatu keburukan dan aib kepada jenazah.

2.7 Dibenarkan Mengucup Jenazah

Ahli waris terdekat yang berstatus mahramnya dan mereka yang sama jantina boleh mengucup jenazah selagi mana tidak menimbulkan fitnah. Ini berdasarkan hadis daripada 'Aisyah r.a.:

قَبَّلَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ عُثْمَانَ بْنَ مَظْعُونٍ وَهُوَ مَيِّتٌ، حَتَّى رَأَيْتُ الدَّمْعَ تَسِيلُ عَلَى وَجْهِهِ.

Maksudnya: “Rasulullah SAW mengucup jenazah Uthman bin Maz'un, sehingga aku melihat air mata mengalir pada wajah Baginda.”

(Riwayat al-Tirmizi – sahih)

2.8 Bersabar dan Dilarang Meratap

Ahli keluarga si mati dituntut bersabar di atas ujian kematian. Dibolehkan menangis kerana itu adalah fitrah

manusia yang bersedih apabila adanya kematian orang yang disayangi. Namun tidak boleh keterlaluan seperti menjerit, meratap, mengungkit dan membantah ketetapan Allah SWT. Nabi SAW juga menangis dengan kematian anak Baginda, Ibrahim. Abdul Rahman bin 'Auf r.a. bertanya kepada Rasulullah SAW apabila melihat Baginda menangis: “Engkau (menangis) wahai Rasulullah? Sabda Nabi SAW: “*Wahai Ibn 'Auf, sesungguhnya ia adalah rahmah (kasih sayang)*”. Kemudian Baginda menyambung:

إِنَّ الْعَيْنَ تَدْمَعُ، وَالْقَلْبَ يَحْزَنُ، وَلَا نَقُولُ إِلَّا مَا يَرْضَى رَبُّنَا،
وَأَنَا بِفِرَاقِكَ يَا إِبْرَاهِيمَ لَمَحْزُونُونَ.

Maksudnya: "Sesungguhnya mata mengalirkan air mata, dan hati ini bersedih. Dan kami tidak mengatakan melainkan apa-apa yang diredai Tuhan kami sahaja, dan kami dengan pemergian engkau wahai Ibrahim benar-benar bersedih hati."

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

2.9 Sunnah kepada Ahli Keluarga Si Mati untuk Berdoa

Ahli keluarga si mati hendaklah terus bersabar, mengadu dan berdoa kepada Allah SWT agar dikurniakan ganjaran yang baik di atas musibah yang menimpa. Ini seperti doa Ummu Salamah r.a.:

اللَّهُمَّ أَجْرُنِي فِي مُصِيبَتِي، وَأَخْلِفْ لِي خَيْرًا مِنْهَا.

Maksudnya: *"Ya Allah, kurniakanlah pahala kepadaku atas musibah ini, dan gantikanlah untukku sesuatu yang lebih baik daripadanya."*

(Riwayat Muslim)

Ummu Salamah r.a. telah berdoa dengan doa ini, maka Allah SWT telah memberikan gantian yang terbaik untuknya.

2.10 Dikebumikan Jenazah di Lokasi Dia Meninggal Dunia

Menjadi sunnah jenazah dikebumikan di lokasi dia meninggal dunia. Ini bertujuan untuk menyegerakan urusan pengebumian jenazah sepertimana arahan Nabi SAW berdasarkan riwayat Abu Hurairah r.a. di atas dan hadis Jabir bin Abdillah r.a.:

لَمَّا كَانَ يَوْمَ أُحُدٍ، جَاءَتْ عَمِّي بِأَبِي لُثَيْفَةَ فِي مَقَابِرِنَا،
فَنَادَى مُنَادٍ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ: رُدُّوا الْقَتْلَ إِلَى مَضَاجِعِهِ.

Maksudnya: *"Pada hari berlaku peperangan Uhud, ibu saudaraku membawa pergi jenazah bapaku untuk dikebumikan di tanah perkuburan kami. Tiba-tiba seorang penyeru bagi pihak Rasulullah SAW menyeru dengan berkata: "Kembalikan para syuhada' (Uhud) ke tempat mereka terbunuh (medan Uhud)."*

(Riwayat al-Tirmizi – hasan sahih)

Namun, jika ada keperluan yang mendesak untuk jenazah dipindahkan dan termasuk juga yang perlu kepada proses

memasukkan bahan kimia (formalin) bagi mengelakkan mayat berubah, maka hal ini dibenarkan dengan syarat berikut:

- a) Tidak menyebabkan mudarat lain disebabkan proses pemindahan tersebut seperti pereputan dan seumpamanya terhadap jenazah.
- b) Pemindahan dilakukan setelah jenazah dimandikan, dikafankan dan disolatkan. Ini kerana kewajipan memandikan, mengkafankan dan mensolatkan diwajibkan ke atas penduduk di mana jenazah itu berada.
- c) Kebenaran memasukkan bahan kimia (formalin) ke dalam badan jenazah ialah kerana terdapat keperluan mendesak untuk memindahkan jenazah ke satu destinasi yang melibatkan tempoh lama dan menyebabkan boleh berlaku proses pereputan jenazah (jika berkenaan).
- d) Suntikan bahan kimia dilakukan oleh mereka yang mempunyai kepakaran dan dilakukan dengan disiplin menghormati jenazah seperti yang diputuskan oleh syara' (jika berkenaan).
- e) Tidak membuang apa-apa anggota jenazah atau membuang sesuatu dari dalam badan keluar kerana ia termasuk larangan *al-Muthlah* (المثلة mencederakan/merosakkan) yang disebutkan dalam hadis, melainkan jika terdapat darurat dan tiada pilihan lain (jika berkenaan).
- f) Tujuan suntikan ialah untuk proses pemindahan jenazah dan bukannya untuk menyimpan jenazah sebagai pameran (jika berkenaan). (Rujukan: Fatwa Perlis Bil. 1/51 Tahun 2021)

2.11 Melangsaikan Hutang Si Mati

Waris hendaklah segera melunaskan hutang si mati daripada harta peninggalan si mati walaupun terpaksa menggunakan kesemuanya. Jika ada yang ingin membantu membayarnya adalah dibolehkan. Nabi SAW bersabda:

نَفْسُ الْمُؤْمِنِ مُعَلَّقَةٌ بِدَيْنِهِ حَتَّى يُقْضَى عَنْهُ.

Maksudnya: *“Diri seorang mukmin itu tertahan dengan hutangnya, hingga dilunaskan untuknya.”*

(Riwayat al-Tirmizi dan beliau mengatakan hasan)

2.12 Pemberitahuan Berita Kematian

Dibenarkan membuat pemberitahuan tentang berita kematian seseorang muslim bagi tujuan memohon didoakan dan menghadiri solat jenazah. Namun, perlulah menjauhi perkara-perkara yang dilarang seperti pujian yang berlebihan atau mengundang upacara-upacara khusus sempena kematian yang tidak disyariatkan.

3.0 MEMANDIKAN JENAZAH

- 3.1 Memandikan jenazah orang Islam adalah **wajib** kecuali syahid *ma'rakah* (syahid dalam peperangan jihad). Dalilnya ialah hadis-hadis yang terdapat dalam bentuk arahan daripada Nabi SAW:

اَغْسِلُوهُ بِمَاءٍ وَسِدْرٍ.

Maksudnya: *"Mandikan dia dengan air dan daun bidara."*

(Riwayat Muslim)

- 3.2 Asas dalam memandikan jenazah ialah meratakan air ke seluruh tubuh jenazah setelah menyucikan najisnya seperti hal keadaan mandi wajib (*junub*). Perkara ini boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja jika tiada orang yang khusus untuk memandikan jenazah.
- 3.3 Memandikan dengan 3 kali basuhan atau 5 kali atau 7 kali atau lebih berdasarkan keperluan dengan meraikan jumlah ganjil. Ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan daripada Ummu 'Atiyyah r.a.:

اَغْسِلْنَهَا وَثَرًا ثَلَاثًا، أَوْ خَمْسًا، أَوْ سَبْعًا.

Maksudnya: *Mandikannya dengan bilangan ganjil tiga, lima atau tujuh.*

(Riwayat Muslim)

- 3.4 Mencampurkan sebahagian daripada basuhan itu dengan daun bidara, atau apa-apa yang dapat menggantikannya bagi tujuan membersihkan seperti sabun.
- 3.5 Mencampurkan pada akhir basuhan menggunakan kapur barus sebagaimana yang disebutkan dalam hadis Ummu 'Atiyyah r.a. Antara hikmahnya ialah bertujuan untuk mewangikan, menguatkan dan menjauhkan daripada serangga.

- 3.6 Melepaskan ikatan rambut dan membasuhnya dengan baik.
- 3.7 Memulakan bahagian sebelah kanan dan anggota wuduk.

إِبْدُؤُوا بِمِائِمِهَا، وَمَوَاضِعِ الْوُضُوءِ مِنْهَا.

Maksudnya: “Mulakanlah (memandikannya) pada bahagian kanan, dan tempat-tempat wuduk sebelah kanan.”

(Riwayat al-Bukhari)

- 3.8 Hendaklah orang lelaki memandikan jenazah lelaki dan demikianlah sebaliknya. Namun, suami boleh memandikan isterinya dan demikianlah sebaliknya.
- 3.9 Orang yang memandikan jenazah adalah orang yang lebih tahu tentang sunnah memandikan jenazah dan amanah, terutama jika daripada keluarganya sendiri.
- 3.10 Dilarang memandang aurat jenazah dan menyentuhnya secara terus.
- 3.11 Disunatkan bagi orang yang memandikan jenazah, mandi untuk dirinya selepas selesai memandikan jenazah. Berdasarkan sabda Nabi SAW:

مَنْ غَسَلَ مَيِّتًا فَلْيَغْتَسِلْ وَمَنْ حَمَلَهُ فَلْيَتَوَضَّأْ.

Maksudnya: “Siapa yang memandikan mayat, maka mandilah (untuk dirinya), dan sesiapa yang membawanya maka berwuduklah.”

(Riwayat al-Tirmizi – hasan)

3.12 Ganjaran besar bagi orang yang memandikan jenazah dengan dua syarat:

- a) Mengharapkan keredhaan Allah dan tidak mengharapkan balasan dunia seperti pujian dan seumpamanya. Ini kerana Allah SWT tidak menerima amalan melainkan jika ianya dilakukan ikhlas kerana-Nya.
- b) Merahsiakan aib jenazah berdasarkan hadis Nabi SAW:

مَنْ غَسَلَ مَيِّتًا فَكَتَمَ عَلَيْهِ غُفِرَ لَهُ أَرْبَعِينَ مَرَّةً، وَمَنْ كَفَّنَ مَيِّتًا كَسَاهُ اللَّهُ مِنْ سُنْدُسٍ وَإِسْتَبْرَقٍ الْجَنَّةِ، وَمَنْ حَفَرَ لِمَيِّتٍ قَبْرًا فَأَجَنَّهُ فِيهِ، أُجْرِي لَهُ مِنَ الْأَجْرِ كَأَجْرِ مَسْكَنٍ أَسْكَنَهُ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ.

Maksudnya: “Siapa yang memandikan seorang (jenazah) muslim, lalu merahsiakan (keburukannya), maka Allah mengampunkannya 40 kali. Dan siapa yang mengkafkannya, maka Allah akan memberikan pakaian baginya dari sutera halus dan sutera tebal syurga. Dan siapa yang menggali kubur untuk jenazah, baginya pahala bagaikan pahala memberikan tempat tinggal untuknya hingga hari kiamat.”

(Riwayat al-Hakim dalam *al-Mustadrak*, dinilai sahih oleh beliau dan dipersetujui oleh al-Zahabi)

3.13 Cara Memandikan Jenazah:

- a) Menanggalkan pakaian jenazah:
 - i. Pakaian ditanggalkan dalam keadaan auratnya tertutup dengan sesuatu yang berbentuk kain atau seumpamanya.
 - ii. Boleh menggunakan gunting untuk memotong pakaian jenazah, jika sukar untuk menanggalkannya atau bimbang akan mengasari jenazah.
 - iii. Menggunting misai dan kuku mayat serta rambut sekiranya perlu.
 - iv. Tidak perlu menggunting bulu kemaluan dan ketiak jenazah kerana bahagian ini adalah aurat dan tersembunyi.
- b) Mengeluarkan saki-baki najis jika ada:
 - i. Menggunakan tangan kanan untuk mengangkat sedikit bahagian atas anggota badan jenazah sehingga hampir kepada kedudukan duduk, sambil lengan tangan kiri digosokkan di atas perut jenazah tanpa mengasarinya.
 - ii. Mencurahkan air pada bahagian dubur mayat jika didapati ada najis yang keluar sehingga tidak ada lagi najis yang tersisa.
 - iii. Membersihkan apa-apa yang keluar dari dubur menggunakan tangan kiri dengan air dan kain atau seumpamanya.

c) Membasuh anggota wuduk jenazah:

Membasuh anggota wuduk jenazah sama seperti wuduk untuk solat. Tidak perlu berkumur (المضمضة) dan memasukkan air ke dalam hidung (الاستنشاق) tetapi cukup sekadar menyapu gigi jenazah dan lubang hidungnya dengan kain lembab.

d) Mandian yang pertama:

- i. Membasuh kepalanya dan janggutnya dengan air daun bidara untuk menghilangkan kotoran. (Jika tidak memadai untuk menghilangkan kotoran, tidak mengapa menggunakan sabun, syampu atau yang seumpama dengannya).
 - ii. Mandikan bahagian kanan badannya.
 - iii. Mengiringkan jenazah untuk membasuh anggota belakang badan sebelah kanan.
 - iv. Membasuh anggota badan jenazah sebelah kiri mengikut cara yang sama.
- e) Lakukan mandian yang kedua dengan cara yang sama seperti di atas. (Jenis campuran air bergantung kepada jumlah bilangan atau boleh diselang-selikan).
- f) Akhiri mandian dengan membasuhkan jenazah menggunakan air kapur barus mengikut cara yang sama seperti di atas.

3.14 Setelah selesai proses memandikan jenazah, maka hendaklah mengelapkan jenazah dengan kain bersih atau kain tuala sebelum diangkat untuk dikafankan.

- 3.15 Sekiranya tiada air atau tidak boleh menggunakan air untuk memandikan jenazah, maka hendaklah digantikan dengan tayammum iaitu menyapu debu tanah ke muka dan pergelangan tangan jenazah.

4.0 MENGKAFANKAN JENAZAH

- 4.1 Kain kafan adalah tanggungjawab harta si mati. Sekiranya tidak mampu, maka ahli waris atau orang Islam lain termasuk pihak baitulmal atau masjid boleh membantu dalam penyediaan alatan kafan jenazah.
- 4.2 Jenazah diletakkan di atas tiga helai kain kafan yang dibentang dengan diletakkan wangian di atasnya. 'Aisyah r.a berkata:

كُفِّنَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ فِي ثَلَاثَةِ أَثْوَابٍ بَيْضَ سَحُولِيَّةٍ مِنْ
كُرْسُفٍ، لَيْسَ فِيهَا قَمِيصٌ وَلَا عِمَامَةٌ.

Maksudnya: “Sesungguhnya Nabi SAW dikafankan dengan tiga kain daripada kapas yang berwarna putih dari Suhul (satu bandar di Yaman), tidak ada padanya baju dan serban.”

(Riwayat Muslim)

- 4.3 Bagi jenazah perempuan boleh dijadikan kain kafan sebanyak lima helai iaitu kain sarung, baju, tudung kepala dan dua helai kain yang dapat menutup seluruh tubuh jenazah. Inilah yang lebih utama di sisi sebahagian fuqaha’.

Dibolehkan juga untuk menggunakan dengan tiga helai kain kafan.

- 4.4 Kain kafan hendaklah menutup keseluruhan tubuh jenazah dengan sempurna. Jika tidak cukup, hendaklah diutamakan bahagian auratnya dan bahagian atas tubuhnya.
- 4.5 Disunatkan kain kafan berwarna putih berdasarkan hadis:

الْبَسُوا مِنْ ثِيَابِكُمُ الْبَيَاضَ، فَإِنَّهَا مِنْ خَيْرِ ثِيَابِكُمْ
وَكَفِّنُوا فِيهَا مَوْتَكُمْ.



Maksudnya: “Pakailah daripada pakaian kamu semua yang berwarna putih, kerana sesungguhnya ia adalah sebaik-baik pakaian kamu dan kafankanlah dengannya orang yang mati dalam kalangan kamu.”

(Riwayat al-Tirmizi – hasan sahih)

- 4.6 Tidak berlebihan dalam menggunakan kain kafan seperti menambah lebih daripada tiga helai (lelaki) dan lima helai (perempuan) bagi mengelakkan berlaku pembaziran.
- 4.7 Disyorkan saiz kain kafan ialah 60 inci lebar (dewasa) / 45 inci (kanak-kanak) dan panjang mengikut saiz tinggi jenazah dengan melebihi 2 kaki atas dan bawah. (Saiz ini sekadar anggaran)
- 4.8 Sunat mewangikan jenazah, terutamanya pada anggota sujud (dahi, hidung, dua telapak tangan, dua lutut dan dua kaki) sebagai memuliakannya, dan pada bahagian terhimpun kotoran seperti di bawah pelipat lutut, ketiak dan seumpamanya. Jika dikenakan wangian keseluruhan

badan jenazah juga tidak mengapa termasuk terhadap kain kafan jenazah.

- 4.9 Tangan jenazah boleh didakapkan di atas dadanya dengan tangan kanan di atas tangan kiri seperti keadaan dalam solat dan boleh juga diluruskan di sisi jenazah.



UKURAN KAIN KAFAN BAGI MAYAT DEWASA

- 4.10 Mengkafankan jenazah sehelai demi sehelai, digalakkan bermula dari sebelah kanan terlebih dahulu dan diikuti sebelah kiri, serta mengikat dengan kemas dari hujung kaki hingga hujung kepala.

5.0 MENGIRINGI JENAZAH

- 5.1 Mengiringi jenazah bermaksud sama ada mengiringinya hingga disembahyangkan atau mengiringinya hingga dikebumikan. Ini adalah antara tanggungjawab umat Islam. Nabi SAW bersabda:

مَنْ شَهِدَ الْجَنَازَةَ حَتَّى يُصَلِّيَ، فَلَهُ قِيرَاطٌ، وَمَنْ شَهِدَ حَتَّى تُدْفَنَ كَانَ لَهُ قِيرَاطَانِ، قِيلَ: وَمَا الْقِيرَاطَانِ؟ قَالَ: مِثْلُ الْجَبَلَيْنِ الْعَظِيمَيْنِ.

Maksudnya: “Sesiapa yang menyaksikan (menghadiri) jenazah sehingga disembahyangkan, baginya satu qirat. Sesiapa yang menyaksikannya (menghadiri) hingga dikebumikan, baginya dua qirat.” Seseorang bertanya: “Apakah dua qirat itu?” Nabi SAW bersabda: “Seperti dua bukit yang besar.”

(Riwayat al-Bukhari)

- 5.2 **Dilarang** melakukan perkara-perkara berikut ketika mengiringi jenazah:
- Mengangkat suara dengan tangisan dan membawa api. Ini berdasarkan hadis:

لَا تُتَّبَعُ الْجَنَازَةُ بِنَارٍ، وَلَا صَوْتٍ.

Maksudnya: “Jangan diiringi jenazah dengan api dan rintihan suara.”

(Riwayat Ahmad – *hasan lighairihi*)

- ii. Mengangkat suara dengan zikir atau bacaan al-Quran di hadapan jenazah seperti bacaan al-Fatihah sebanyak tiga kali untuk tiga langkah.

Qais bin ‘Ubad berkata:

كَانَ أَصْحَابُ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ يَكْرَهُونَ رَفَعَ الصَّوْتِ
عِنْدَ الْجَنَائِزِ.

Maksudnya: “Adalah para sahabat Rasulullah SAW tidak menyukai mengangkat suara di sisi jenazah.”

(Riwayat al-Baihaqi – *sahih*)

Al-Imam al-Nawawi rahimahullah di dalam kitabnya, *al-Azkar* berkata:

“Ketahuilah sesungguhnya yang betul lagi terpilih yang menjadi amalan al-Salaf al-Saleh ialah diam ketika mengiringi jenazah. Jangan diangkat suara dengan bacaan, zikir dan selainnya. Hikmahnya nyata, iaitu lebih menenangkan hati dan menghimpunkan fikiran mengenai apa-apa yang berkaitan dengan jenazah. Itulah yang dituntut dalam keadaan tersebut. Inilah cara yang betul.

Jangan kamu terpengaruh dengan ramainya orang yang menyanggahnya.

Sesungguhnya Abu 'Ali al-Fudhail bin 'Iyad rahimahullah berkata: Berpeganglah dengan jalan petunjuk, jangan engkau tewas disebabkan sedikit yang melaluinya, jauhilah jalan yang sesat. Jangan engkau terpengaruh dengan banyaknya golongan yang rosak (yang melakukannya). Aku juga telah meriwayatkan dari Sunan al-Baihaqi yang membuktikan apa yang aku nyatakan (sambil mengisyaratkan kepada perkataan Qais bin 'Ubad).

Adapun apa yang dilakukan oleh golongan jahil di Damsyik, iaitu meneruskan bacaan al-Quran dan bacaan yang lain ke atas jenazah serta bercakap perkara yang tiada kaitan, ini adalah haram dengan ijmak ulama. Sesungguhnya aku telah jelaskan dalam bab Adab al-Qiraah tentang keburukannya, besar keharamannya dan kefasikannya bagi sesiapa yang mampu mengingkarinya tetapi tidak mengingkarinya.”

- 5.3 Disunatkan membawa jenazah dengan berjalan kaki berdasarkan hadis daripada Thauban r.a. katanya:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ أَتَى بِدَايَةِ وَهُوَ مَعَ الْجَنَازَةِ فَأَبَى أَنْ يَرْكَبَهَا، فَلَمَّا انْصَرَفَ أَتَى بِدَايَةِ فَرَكَبَ، فَقِيلَ لَهُ فَقَالَ إِنَّ الْمَلَائِكَةَ كَانَتْ تَمْشِي فَلَمْ أَكُنْ لِأَرْكَبَ وَهُمْ يَمْشُونَ فَلَمَّا ذَهَبُوا رَكِبْتُ.

Maksudnya: *“Pernah dibawa kepada Rasulullah SAW tunggangan ketika baginda bersama dengan jenazah (hendak mengiringi jenazah), akan tetapi baginda enggan menaikinya. Apabila selesai pengebumian, dibawa tunggangan kepada baginda dan baginda menaikinya. Lalu ditanya kepada baginda, baginda menjawab: “Sesungguhnya para malaikat berjalan (mengiringi jenazah), maka aku tidak akan menaiki tunggangan sedangkan mereka berjalan, apabila mereka pergi (setelah selesai pengebumian), aku menaikinya.”*

(Riwayat Abu Daud – sahih)

Namun jika ada keuzuran atau keperluan seperti tanah perkuburan yang jauh atau cuaca tidak mengizinkan sehingga sukar untuk membawa jenazah, maka harus menggunakan kenderaan.

- 5.4 Harus berjalan di depan atau di belakang, di kiri atau di kanan. Tetapi di belakang adalah lebih utama dan ia lebih tepat dengan maksud mengiringi. Begitu juga bagi yang menaiki kenderaan sewajarnya mengiringi di belakang jenazah.

6.0 SOLAT JENAZAH

- 6.1 Hukumnya fardhu kifayah.
- 6.2 Hendaklah ikhlas berdoa kepada jenazah.

Sabda Nabi SAW:

إِذَا صَلَّيْتُمْ عَلَى الْمَيِّتِ فَأَخْلِصُوا لَهُ الدُّعَاءَ.

Maksudnya: *“Apabila kamu solat ke atas jenazah, maka berdoalah dengan ikhlas.”*

(Riwayat Abu Daud – hasan)

- 6.3 **Janin yang mati** dalam kandungan ketika berusia empat bulan dan ke atas hendaklah disolatkan jenazahnya.

Al-Nawawi di dalam *al-Majmu'* berkata: “Dijadikan kafannya (bayi yang mati dan sudah punyai roh) seperti kafan orang yang baligh, tiga helai kain.” Ini berdasarkan hadis Nabi SAW:

وَالسَّقْطُ يُصَلَّى عَلَيْهِ، وَيُدْعَى لِوَالِدَيْهِ بِالْمَغْفِرَةِ وَالرَّحْمَةِ.

Maksudnya: *“Janin yang keguguran disolatkan ke atasnya, dan didoakan kepada dua orang tuanya dengan keampunan dan rahmah.”*

(Riwayat Abu Daud – sahih)

- 6.4 Adapun **janin yang gugur** dalam kandungan ketika usianya bawah 4 bulan, maka cukup dengan dikafankan sahaja tanpa disolatkan.
- 6.5 Jenazah yang ketika hidupnya menzahirkan dosa besar juga disolatkan. Namun, para ulama dan pemimpin boleh untuk tidak hadir sebagai memberi peringatan kepada yang masih hidup berdasarkan beberapa hadis yang menceritakan tindakan Nabi SAW yang tidak mensolatkan jenazah pelaku maksiat atau yang membunuh diri.

Jabir bin Samurah r.a. meriwayatkan:

أَتَى النَّبِيَّ ﷺ بِرَجُلٍ قَتَلَ نَفْسَهُ بِمَشَاقِصَ، فَلَمْ يُصَلِّ عَلَيْهِ.

Maksudnya: “Didatangkan kepada Nabi SAW jenazah seorang lelaki yang membunuh diri dengan anak panah, maka baginda tidak menunaikan solat untuknya.”

(Riwayat Muslim)

- 6.6 Jenazah yang sudah disolatkan, boleh disolatkan lagi oleh orang lain. Ini berdasarkan beberapa riwayat daripada Nabi SAW, antaranya daripada Ibn ‘Abbas r.a.:

مَاتَ إِنْسَانٌ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ يَعُودُهُ فَمَاتَ بِاللَّيْلِ فَدَفَنُوهُ لَيْلًا، فَلَمَّا أَصْبَحَ أَخْبَرُوهُ فَقَالَ: مَا مَنَعَكُمْ أَنْ تُعَلِّمُونِي. قَالُوا: كَانَ اللَّيْلُ فَكْرِهَنَا - وَكَأَنْتَ ظُلْمَةٌ - أَنْ نَشُقَّ عَلَيْكَ. فَأَتَى قَبْرَهُ فَصَلَّى عَلَيْهِ.

Maksudnya: Seseorang yang Rasulullah SAW pernah menziarahinya ketika sakit, mati pada waktu malam dan dikebumikan juga pada waktu malam. Apabila subuh, mereka memberitahu Rasulullah SAW, maka Rasulullah SAW bersabda: “Apa yang menghalang kamu daripada memberitahuku?” Mereka berkata: “Ketika itu telah lewat malam dan kami tidak mahu menyusahkan kamu.” Rasulullah SAW telah pergi ke kuburnya dan menunaikan solat ke atasnya.

(Riwayat al-Bukhari)

- 6.7 Sebahagian ulama mengharuskan solat jenazah di tanah perkuburan bagi sesiapa yang belum menunaikannya. Keharusan ini berdasarkan hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Ibn 'Abbas r.a.:

انْتَهَى رَسُولُ اللَّهِ ﷺ إِلَى قَبْرِ رَطْبٍ فَصَلَّى عَلَيْهِ وَصَفُّوا خَلْفَهُ وَكَبَّرَ أَرْبَعًا.

Maksudnya: “Rasulullah SAW pernah sampai di sebuah kubur yang masih baharu. Kemudian baginda menunaikan solat ke atasnya dan para sahabat membuat saf di belakang baginda, lalu baginda bertakbir sebanyak empat kali.”

(Riwayat Muslim)

- 6.8 Keizinan solat di kubur adalah sehingga **satu bulan** selepas dikebumikan berdasarkan pandangan sebahagian ulama.
- 6.9 Solat jenazah ghaib dilakukan ke atas jenazah muslim yang meninggal di negeri yang tiada orang solat jenazah ke atasnya. Ini berdasarkan perbuatan Nabi SAW yang solat jenazah ghaib ke atas jenazah Najasyi. Dalam kalangan ulama ada yang berpendapat boleh juga dilakukan solat jenazah ghaib kepada tokoh yang berjasa kepada umat Islam seperti ilmuan yang terbilang, pejuang agama, pahlawan yang berjasa dan seumpamanya.
- 6.10 Semakin ramai jemaah yang mendirikan solat jenazah lebih bermanfaat kepada jenazah.

Nabi SAW bersabda:

مَا مِنْ رَجُلٍ مُسْلِمٍ يَمُوتُ، فَيَقُومُ عَلَى جَنَازَتِهِ أَرْبَعُونَ رَجُلًا،
لَا يُشْرِكُونَ بِاللَّهِ شَيْئًا، إِلَّا شَفَعَهُمُ اللَّهُ فِيهِ.

Maksudnya: “Tidaklah seorang muslim yang meninggal dunia, kemudian disolatkan oleh 40 orang yang tidak mensyirikkan Allah dengan sesuatu, kecuali pastilah Allah akan menjadikan mereka dapat memberi syafaat kepadanya.”

(Riwayat Muslim)

- 6.11 Pemerintah lebih utama menjadi imam solat berbanding orang lain. Jika tidak ada, maka individu yang lebih faham hukum agama.
- 6.12 Jika mayat lebih dari satu, boleh disolatkan seorang demi seorang ataupun sekali gus. Jika disolatkan sekali gus, mayat lelaki dihampirkan dengan imam.
- 6.13 Solat jenazah boleh ditunaikan di dalam masjid, rumah atau musolla di luar masjid.
- 6.14 Kedudukan kepala jenazah lelaki dan perempuan adalah dihadapkan ke sebelah kanan kiblat. Sebahagian fuqaha membolehkan juga kepala jenazah lelaki dihadapkan ke sebelah kiri (kiblat).
- 6.15 Kedudukan imam adalah:
- Jenazah lelaki: Selari dengan kepala jenazah.
Jenazah perempuan: Selari dengan tengah badan jenazah.

6.16 Disunatkan untuk menjadikan saf makmum kepada tiga saf di belakang imam, sunat dilurus dan dirapatkan saf. Jarak antara saf depan dan belakang boleh kekal seperti dalam solat biasa atau dirapatkan jika ada keperluan. Jika makmum hanya seorang, maka dia berdiri di belakang imam berdasarkan hadis Abu Talhah r.a.

6.17 Tatacara Solat Jenazah

- i. **Takbir pertama:** Para ulama bersepakat takbir beserta dengan mengangkat tangan. Seterusnya membaca surah al-Fatihah.
- ii. **Takbir kedua:** Takbir kedua, ketiga dan keempat ada perbezaan pendapat di kalangan ulama sama ada hendak diangkat tangan ataupun tidak. Maka salah satu dari dua cara ini dibolehkan. Kemudian membaca selawat ke atas Nabi SAW. Sebaik-baiknya seperti selawat ketika tasyahhud dalam solat iaitu Selawat Ibrahimiyah:

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ، اللَّهُمَّ بَارِكْ
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى
آلِ إِبْرَاهِيمَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

- iii. **Takbir ketiga:** setelah bertakbir, boleh berdoa ke atas jenazah dengan doa-doa yang warid dari Nabi SAW, antaranya:

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ وَارْحَمْهُ، وَعَافِهِ وَاعْفُ عَنْهُ، وَأَكْرِمْ نُزُلَهُ،
وَوَسِّعْ مُدْخَلَهُ، وَاعْسِلْهُ بِمَاءٍ وَثَلُجٍ وَبَرَدٍ، وَنَقِّهِ مِنَ
الْخَطَايَا كَمَا يُنَقَّى الثَّوْبُ الْأَبْيَضُ مِنَ الدَّنَسِ، وَأَبْدِلْهُ
دَارًا خَيْرًا مِنْ دَارِهِ، وَأَهْلًا خَيْرًا مِنْ أَهْلِهِ، وَزَوْجًا خَيْرًا
مِنْ زَوْجِهِ، وَقِهِ فِتْنَةَ الْقَبْرِ وَعَذَابَ النَّارِ.

Maksudnya: “Ya Allah, ampunkanlah dia dan rahmatilah dia, maafkanlah dia dan berilah keafiatan kepadanya, muliakanlah kedatangannya dan luaskanlah tempat masuknya. Sucikanlah dia dengan air, salju dan embun. Bersihkanlah dia daripada kesalahan-kesalahannya sepertimana engkau membersihkan baju yang putih daripada kotoran. Dan gantikan untuknya rumah yang lebih baik daripada rumahnya, keluarga yang lebih baik daripada keluarganya, pasangan yang lebih baik daripada pasangannya, lindungi dia daripada fitnah kubur dan azab neraka.”

(Riwayat Muslim)

Jika tidak mampu mengingat doa yang panjang, boleh sekadar menyebut:

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ وَارْحَمْهُ وَعَافِهِ وَاعْفُ عَنْهُ.

Maksudnya: “Ya Allah, ampunkanlah dia dan rahmatilah dia, maafkanlah dia dan berilah keafiatan kepadanya.”

Jika jenazah kanak-kanak, bolehlah berdoa keampunan untuk kedua ibu bapanya.

- iv. **Takbir keempat:** Setelah bertakbir boleh diam seketika sebelum memberi salam atau berdoa dengan apa-apa doa untuk jenazah. Antaranya:

اللَّهُمَّ لَا تَحْرِمْنَا أَجْرَهُ وَلَا تَفْتِنَّا بَعْدَهُ.

Maksudnya: “Ya Allah, jangan Engkau halangi kami pahalanya dan jangan Engkau fitnahkan kami selepas pemergiannya.”

(Sebahagian daripada doa yang diriwayatkan oleh Imam Malik dalam *al-Muwattha*)

- v. **Memberi salam:** Memberi salam ke sebelah kanan sahaja berdasarkan hadis daripada Abu Hurairah r.a.:

أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ صَلَّى عَلَى جَنَازَةٍ فَكَبَّرَ عَلَيْهَا أَرْبَعًا، وَسَلَّم تَسْلِيمَةً وَاحِدَةً.

Maksudnya: “Rasulullah SAW pernah menunaikan solat jenazah, di mana baginda bertakbir empat kali dan memberi salam sekali.”



(Riwayat Ahmad – hasan)

Boleh juga memberi salam seperti dalam solat fardhu iaitu ke kanan dan ke kiri di sisi sesetengah pendapat ulama.

- 6.17 **Perhatian:** Adapun berdoa secara berjamaah sebaik sahaja selesai daripada menunaikan solat jenazah **tidak termasuk dalam adab dan tatacara solat jenazah**. Nabi SAW dan para sahabat baginda tidak pernah melakukannya. Jika ia disunnahkan sudah pasti terdapat riwayat daripada Nabi SAW. Oleh yang demikian umat Islam hendaklah berusaha memastikan amalan mereka bertepatan dengan sunnah Nabi SAW dengan tidak perlu menambahkan sebarang doa selepas selesai daripada menunaikan solat jenazah. (Fatwa Perlis 36/2018)
- 6.18 Terdapat tiga waktu yang dilarang solat jenazah dan mengebumikannya kecuali darurat iaitu:
- a) Ketika matahari sedang terbit
 - b) Ketika matahari tegak
 - c) Ketika matahari sedang terbenam

7.0 PENGEBUMIAN JENAZAH

- 7.1 Wajib mengebumikan setiap jenazah sebagaimana yang diperintahkan oleh Nabi SAW.
- 7.2 Tidak boleh mengebumikan jenazah muslim bersama jenazah kafir dalam satu liang dan di tanah perkuburan yang sama.
- 7.3 Jika dalam keadaan darurat seperti bencana alam, boleh mengebumikan lebih daripada satu jenazah dalam satu kubur dan didahulukan yang lebih banyak menghafal al-Quran atau lebih alim tentang agama.



- 7.4 Kubur boleh dibuat dengan cara *lahad* atau *syaq* (lihat gambar). *Lahad* (lihat gambar) lebih afdhal, kecuali jika tanah tidak sesuai.

Sa'ad bin Abi Waqqas r.a. berkata:

إِخْدُوا لِي لَحْدًا وَأَنْصُبُوا عَلَيَّ اللَّيْنَ نَضَبًا كَمَا صَنَعَ رَسُولُ
اللَّهِ ﷺ

Maksudnya: “*Buatkan lahad untukku (apabila jenazahku dimasukkan ke dalam kubur), dan dirikan bongkah tanah pada bukaan lahadku sepertimana yang dibuat pada kubur Rasulullah SAW.*”

(Riwayat Muslim)

- 7.5 Boleh juga menggunakan keranda ketika perlu untuk diletakkan jenazah di dalam kubur.
- 7.6 Kedalaman kubur antara lima hingga tujuh kaki dan lebarnya ialah tiga kaki serta panjang mengikut saiz jenazah.

- 7.7 Jenazah diturunkan oleh orang lelaki walaupun jenazah seorang wanita. Ahli keluarga adalah lebih utama.
- 7.8 Jenazah diturunkan ke dalam kubur dari arah bahagian kaki kubur dengan memasukkan kepala terlebih dahulu. Ini berdasarkan hadis:

أَوْصَى الْحَارِثُ أَنْ يُصَلِّيَ عَلَيْهِ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يَزِيدٍ، فَصَلَّى عَلَيْهِ ثُمَّ أَدْخَلَهُ الْقَبْرَ مِنْ قِبَلِ رِجْلَى الْقَبْرِ، وَقَالَ: هَذَا مِنْ السُّنَّةِ.

Maksudnya: *Al-Harith mewasiatkan kepada Abdullah bin Yazid r.a. untuk mensolatkan jenazahnya. Maka Abdullah bin Yazid r.a. menunaikannya, kemudian beliau memasukkan jenazah al-Harith ke dalam kubur dari arah bahagian kaki kubur. Kemudian beliau berkata: "Ini daripada sunnah."*

(Riwayat Abu Daud – sahih)

- 7.9 Meletakkan jenazah di atas lambungnya yang kanan dengan menghadap ke kiblat, kepalanya menghala ke kanan kiblat dan kakinya ke kiri kiblat.
- 7.10 Ketika memasukkan jenazah ke liang lahad disunatkan membaca salah satu lafaz berikut:

بِسْمِ اللَّهِ وَعَلَى سُنَّةِ رَسُولِ اللَّهِ.

Maksudnya: *"Dengan nama Allah dan atas sunnah Rasulullah."*

بِسْمِ اللَّهِ وَعَلَىٰ مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ.

Atau: *“Dengan nama Allah dan atas agama Rasulullah.”*

بِسْمِ اللَّهِ وَبِاللَّهِ وَعَلَىٰ مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

Atau: *“Dengan nama Allah dan dengan Allah dan atas agama Rasulullah SAW.”*

- 7.11 Sunat bagi semua yang hadir menabur tanah dengan kedua tangannya sebanyak tiga kali di bahagian kepala berdasarkan hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a.

أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ صَلَّى عَلَىٰ جِنَازَةٍ ثُمَّ أَتَى قَبْرَ الْمَيِّتِ، فَحَثَىٰ عَلَيْهِ مِنْ قَبْلِ رَأْسِهِ ثَلَاثًا.

Maksudnya: *“Bahawa Nabi Rasulullah SAW setelah menunaikan solat ke atas jenazah, baginda datang ke kuburnya lalu menaburkan tanah ke atasnya dari arah kepala sebanyak tiga kali.”*

(Riwayat Ibn Majah – hasan)

- 7.12 Disunatkan selepas mengebumikan jenazah:

- a) Meninggikan permukaan kubur sekadar satu jengkal dan tidak diratakan terus agar dapat dikenali berdasarkan dalil berikut:

عَنْ سُفْيَانَ الثَّمَارِ أَنَّهُ رَأَى قَبْرَ النَّبِيِّ ﷺ مُسَنَّمًا.

Maksudnya: *“Daripada Sufyan al-Tammar, bahawa beliau telah melihat kubur Nabi SAW dalam keadaan musannam (dijadikan berbonggol).”*

(Riwayat al-Bukhari)

- b) Menandakan kubur dengan batu termasuk dari sunnah Nabi SAW sepertimana yang dilakukan oleh Baginda ketika menanda kubur saudara susuan baginda ‘Uthman bin Maz’un.

7.13 Hukum membuat binaan di atas kubur adalah dilarang/ tidak dibolehkan. Jabir r.a. meriwayatkan:

نَهَى رَسُولُ اللَّهِ ﷺ أَنْ يُجَصَّصَ الْقَبْرُ وَأَنْ يُقْعَدَ عَلَيْهِ وَأَنْ يُبْنَى عَلَيْهِ.

Maksudnya: *“Rasulullah SAW melarang membuat plaster kubur (seperti dengan simen, kapur atau seumpamanya), duduk di atasnya dan dibuat binaan di atasnya.”*

(Riwayat Muslim)

Dalam riwayat lain seperti al-Nasa’i, al-Tirmizi dan Ibn Majah, terdapat tambahan lafaz: *“أَوْ يُكْتَبَ عَلَيْهِ”*. Maksudnya: *“atau (termasuk yang ditegah) ditulis di atasnya (kubur).”*

7.14 Para ulama berbeza pendapat tentang hukum menulis nama di batu nisan. Sebahagian membenarkannya, manakala sebahagian yang lain melarangnya. Al-Syeikh Ibn ‘Uthaimin menaqqalkan perkataan al-Syeikh al-Sa’di: *“Yang dimaksudkan dengan tulisan (yang dilarang) adalah yang dilakukan di*

zaman jahiliyyah yang mengandungi pujian dan pengagungan. Perkara inilah yang dilarang. Adapun (yang ditulis) dalam kadar untuk memberitahu, maka ia tidak dimakruhkan.”

Ini menunjukkan tulisan yang dibenarkan di batu nisan itu adalah tulisan dalam kadar yang diperlukan sahaja seperti nama si mati.

Adapun menulis ayat al-Quran atau doa, ia tidak termasuk dalam kategori yang dibenarkan. Tambahan pula apabila ada unsur berlumba-lumba untuk mencantikkan batu nisan. Ini sudah pasti sesuatu yang terlarang.

7.15 Tiada sebarang dalil yang menyokong upacara membaca atau mengkhataamkan al-Quran selepas tamat proses pengebumian di kubur. Adapun semasa pengebumian jenazah, telah berlaku khilaf pendapat dalam kalangan ulama. Bagi orang yang hendak membaca al-Quran semasa pengebumian tidak boleh mengadakan kaifiat dan cara yang khusus kerana itu termasuk di dalam mengada-adakan perkara yang tidak mempunyai nas. Sebaliknya dia boleh membaca apa-apa ayat al-Quran yang hendak dibacanya secara bersendirian. (Fatwa Perlis 43/2019)

7.16 Digalakkan memberi nasihat (tazkirah) kepada hadirin. Tazkirah adalah memberi nasihat dan peringatan, bukan berkhotbah. Hadirin juga disunatkan berdoa untuk jenazah. Boleh juga duduk semasa tazkirah dan berdoa dengan syarat tidak duduk di atas kubur. Thabit di dalam hadis Nabi SAW berdoa dan meminta keampunan untuk jenazah setelah dikebumikan. Nabi SAW bersabda kepada sahabat-sahabat baginda:

اسْتَغْفِرُوا لِأَخِيكُمْ وَاسْأَلُوا لَهُ التَّثْنِيتَ فَإِنَّهُ الآنَ يُسْأَلُ.

Maksudnya: “*Mohon ampunlah untuk saudara kamu, dan mohonlah untuk dia ketetapan, kerana sesungguhnya dia sekarang akan ditanya.*”

(Riwayat Abu Daud – hasan)

8.0 ADAB-ADAB MENZIARAH KUBUR

8.1 Menziarahi kubur dibenarkan di dalam Islam dengan syarat menjauhi perkara-perkara yang bertentangan dengan syarak seperti memberikan kepastian syurga atau neraka untuk mana-mana ahli kubur dan seumpamanya. Demikian juga tidak melakukan syirik seperti memohon daripada ahli kubur dan seumpamanya.

8.2 Tujuan menziarahi kubur ialah:

- a) Mengambil pengajaran, mengingati kematian dan akhirat.
- b) Mendoakan keselamatan, kesejahteraan dan kebaikan untuk ahli kubur.

Nabi SAW bersabda:

نَهَيْتُكُمْ عَنْ زِيَارَةِ الْقُبُورِ فَزُورُوهَا.

Maksudnya: *Aku pernah melarang kamu semua daripada menziarahi kubur, sekarang ziarahilah ia.*

(Riwayat Muslim)

Dalam riwayat al-Tirmizi disebutkan:

فَإِنَّهَا تُذَكِّرُ الْآخِرَةَ.

Maksudnya: “*Sesungguhnya ia (iaitu menziarahi kubur) akan mengingatkan diri kepada akhirat.*”

(Riwayat al-Tirmizi – hasan sahih)

8.3 Umat Islam disunatkan menziarahi kubur pada bila-bila masa tanpa mengkhususkan waktu dan hari tertentu sama ada hari raya atau selainnya. Perbuatan sesetengah pihak menetapkan ziarah kubur pada pagi hari raya telah disalah anggap seakan ia amalan agama yang dituntut. Selain itu, perbuatan itu juga menyalahi tujuan asal berhari raya di dalam Islam iaitu sebagai hari bergembira. Tiada sebarang fadilat khusus menziarahi kubur pada pagi hari raya. Oleh itu, menetapkan hari raya sebagai hari menziarahi kubur adalah satu perbuatan yang menyalahi sunnah Nabi SAW. (Rujuk Fatwa Perlis 36/2018)

8.4 Sebahagian Adab Ziarah Kubur

- a) Mengucapkan salam kepada ahli kubur dalam kalangan orang-orang beriman. Antara lafaz ucapan salam tersebut diriwayatkan daripada Buraidah r.a. yang berkata:

Dahulunya Nabi SAW mengajarkan kepada kami, apabila menziarahi kubur membaca:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ أَهْلَ الدِّيَارِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُسْلِمِينَ وَإِنَّا
إِنْ شَاءَ اللَّهُ بِكُمْ لِلْآخِرَةِ، أَسْأَلُ اللَّهَ لَنَا وَلَكُمْ الْعَافِيَةَ.

Maksudnya: *“Keselamatan ke atas kamu semua wahai penghuni kubur dalam kalangan yang beriman dan muslim. Sesungguhnya kami insya-Allah akan menuruti kamu semua nanti, saya memohon kepada Allah untuk mengurniakan kepada saya dan kamu semua kesejahteraan.”*

(Riwayat Muslim)

- b) Harus mengangkat tangan ketika berdoa di tanah perkuburan berdasarkan hadis ‘Aisyah r.a. yang menceritakan Nabi SAW pernah keluar pada malam hari ke perkuburan Baqi’ al-Gharqad dan baginda berdoa dengan mengangkat kedua-dua tangan. (Riwayat Ahmad – sahih). Ketika berdoa hendaklah dengan menghadap ke arah kiblat dan bukan ke kubur.
- c) Sunat menanggalkan kasut ketika berada di kawasan pengebumian jenazah. Namun, tidak mengapa memakainya jika boleh membahayakan kaki. Ini berdasarkan hadis daripada Bashir r.a., Rasulullah SAW pernah melihat seseorang berjalan di kubur dengan memakai kasut, lalu baginda bersabda:

يَا صَاحِبَ السِّبْتِيَّتَيْنِ وَيَحْكَ أَلْقِ سِبْتَيْتِكَ، فَنَظَرَ الرَّجُلُ فَلَمَّا عَرَفَ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ خَلَعَهُمَا فَرَمَى بِهِمَا.

Maksudnya: *“Wahai orang yang memakai kasut sibtiyyah (kasut kulit lembu). Aduhai engkau, bukalah kasut engkau!”* Lelaki yang memakai kasut itu melihat (ke arah baginda). Apabila dia

menyedari bahawa itu adalah Rasulullah SAW, dia terus menanggalkan kasutnya dan mencampakkan kedua-dua kasutnya.

(Riwayat Abu Daud – sahih)

- d) Dilarang duduk dan memijak kubur berdasarkan hadis daripada Abu Hurairah r.a., Nabi SAW bersabda:

لَا أَنْ يَجْلِسَ أَحَدُكُمْ عَلَى جَمْرَةٍ فَتَحْرِقَ ثِيَابَهُ،
فَتَخْلَصَ إِلَى جِلْدِهِ، خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَجْلِسَ عَلَى قَبْرِ.

Maksudnya: “Duduknya seseorang kamu di atas bara api sehingga membakar pakaian dan kulitnya adalah lebih baik berbanding dia duduk di atas kubur.”

(Riwayat Muslim)

Dalam riwayat Ibn Majah menyebut larangan berjalan di atas kubur.

Maksud duduk atau pijak atas kubur ialah apabila kubur ini berada di bawah tapak kaki atau tempat duduk, bukan duduk di kawasan tanah perkuburan secara umum.

9.0 AMALAN-AMALAN UNTUK SI MATI

- 9.1 Doa dan memohon keampunan untuk si mati. Hal ini termasuk dalam perkara yang disepakati oleh semua ulama berdasarkan firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ جَاءُوا مِنْ بَعْدِهِمْ يَقُولُونَ رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا وَلِإِخْوَانِنَا
الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالْإِيمَانِ وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غِلًّا لِلَّذِينَ
آمَنُوا رَبَّنَا إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ ﴿١٠﴾

Maksudnya: *Dan orang-orang (Islam) yang datang kemudian daripada mereka (berdoa dengan) berkata: Wahai Tuhan Kami! Ampunkanlah dosa kami dan dosa saudara-saudara kami yang mendahului kami dalam iman dan janganlah Engkau jadikan dalam hati kami perasaan hasad dengki dan dendam terhadap orang-orang yang beriman. Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau Amat Melimpah belas kasihan dan rahmat-Mu.*

(Surah al-Hasyr: 10)

Demikian juga berdasarkan sabda Nabi SAW:

إِذَا صَلَّيْتُمْ عَلَى الْمَيِّتِ فَأَخْلِصُوا لَهُ الدُّعَاءَ.

Maksudnya: *“Apabila kamu telah mensolati jenazah, maka berdoalah dengan ikhlas.”*

(Riwayat Abu Daud, dinilai hasan oleh al-Albani)

9.2 Melangsaikan hutang si mati berdasarkan sabda Nabi SAW:

نَفْسُ الْمُؤْمِنِ مُعَلَّقَةٌ بِدَيْنِهِ، حَتَّى يُقْضَى عَنْهُ.

Maksudnya: *“Diri seorang mukmin itu tergantung dengan sebab hutangnya, hingga diselesaikannya.”*

(Riwayat al-Tirmizi – hasan)

- 9.3 Sedekah untuk si mati. Al-Imam al-Nawawi menyatakan telah berlaku ijmak dalam kalangan ulama bahawa sampai pahala sedekah yang dilakukan untuk si mati, sama ada yang melakukan itu dalam kalangan ahli keluarga atau selainnya. Ini berdasarkan hadis:

أَنَّ رَجُلًا قَالَ لِلنَّبِيِّ ﷺ: إِنَّ أُمِّي افْتُلِتَتْ نَفْسُهَا، وَأَظُنُّهَا لَوْ تَكَلَّمْتُ تَصَدَّقْتُ، فَهَلْ لَهَا أَجْرٌ إِنْ تَصَدَّقْتُ عَنْهَا، قَالَ: نَعَمْ.

Maksudnya: *Seorang lelaki bertanya kepada Rasulullah SAW: "Sesungguhnya ibuku telah meninggal dunia secara mengejut dan aku menyangka jika dia berkesempatan sudah pasti dia akan bersedekah (berwasiat untuk bersedekah sebahagian daripada hartanya), adakah dia memperoleh pahala jika aku bersedekah untuknya?" Nabi SAW bersabda: "Ya".*

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

- 9.4 Puasa untuk jenazah. Hal ini berdasarkan hadis daripada Ibn 'Abbas r.a.:

جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ ﷺ، فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّ أُمِّي مَاتَتْ وَعَلَيْهَا صَوْمُ شَهْرٍ، أَفَأَقْضِيهِ عَنْهَا، فَقَالَ: لَوْ كَانَ عَلَى أُمِّكَ دَيْنٌ، أَكُنْتَ قَاضِيَهُ عَنْهَا، قَالَ: نَعَمْ، قَالَ: فَدَيْنُ اللَّهِ أَحَقُّ أَنْ يُقْضَى.

Maksudnya: “Pernah seorang lelaki datang menemui Nabi SAW dan bertanya: “Wahai Rasulullah SAW, ibuku meninggal dunia dan masih terdapat puasa sebulan yang belum beliau tunaikan. Adakah boleh aku puasa untuknya?” Jawab baginda: “Jika ibumu ada berhutang, adakah kamu akan melangsaikan hutang itu untuknya?” Jawab lelaki tersebut: “Ya, sudah tentu!” Sabda Nabi SAW: “Maka hutang dengan Allah lebih berhak untuk ditunaikan.”

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

- 9.5 Melaksanakan haji untuk jenazah. Hal ini berdasarkan hadis daripada Abdullah bin Buraidah r.a. daripada bapanya, pernah seorang wanita bertanya kepada baginda Nabi SAW:

إِنَّهَا لَمْ تَحْجَّ قَطُّ، أَفَأَحْجُّ عَنْهَا؟ قَالَ حُجِّي عَنْهَا.

Maksudnya: “Ibuku masih belum melaksanakan haji sama sekali. Adakah boleh aku melaksanakan haji untuknya?” Baginda SAW menjawab: “Laksanakanlah haji untuk ibumu itu.”

(Riwayat Muslim)

- 9.6 Menunaikan nazar jenazah yang belum dilaksanakannya berdasarkan hadis Ibn ‘Abbas r.a.:

أَنَّ امْرَأَةً مِنْ جُهَيْنَةَ جَاءَتْ إِلَى النَّبِيِّ ﷺ فَقَالَتْ: إِنَّ أُمِّي نَذَرَتْ أَنْ تَحْجَّ، فَلَمْ تَحْجَّ حَتَّى مَاتَتْ أَفَأَحْجُّ عَنْهَا؟ قَالَ: نَعَمْ حُجِّي

عَنْهَا، أَرَأَيْتِ لَوْ كَانَ عَلَى أُمِّكَ دَيْنٌ أَكُنْتَ قَاضِيَةً؟ اقْضُوا لِلَّهِ،
فَاللَّهُ أَحَقُّ بِالْوَفَاءِ.

Maksudnya: “Bahawa seorang wanita daripada Juhainah pernah datang menemui Nabi SAW dan berkata: “Ibuku pernah bernazar untuk melaksanakan haji, namun beliau tidak sempat melaksanakannya, sehinggalah beliau meninggal terlebih dahulu. Adakah boleh aku melaksanakan haji untuknya?” Jawab Nabi SAW: “Laksanakanlah haji untuk ibumu itu. Bukankah jika ibumu ada berhutang, kamu akan melangsaikan hutangnya itu? Maka tunaikanlah hutang kamu semua dengan Allah, kerana ia lebih berhak untuk ditunaikan.”

(Riwayat al-Bukhari)

- 9.7 Adapun menghadihkan pahala bacaan al-Quran untuk jenazah adalah masalah khilaf. Majoriti ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah termasuk Syaikhul Islam Ibn Taimiyyah rahimahullah membolehkannya. Pandangan ini berbeza dengan pandangan al-Imam al-Syafi'i rahimahullah dan sebahagian ulama lain yang menganggap ia tidak sampai kepada si mati. Para ulama yang mengatakan sampai bacaan al-Quran kepada si mati mensyaratkan pembaca tidak mengambil upah bacaannya. Juga tidak ditetapkan kaifiat atau upacara khusus. Seseorang yang membaca al-Quran untuk pahalanya kepada si mati, bolehlah menyebut dalam doanya seperti: *Ya Allah, jika ada pahala bacaan ini dan Engkau berkenankan, maka sampaikanlah pahala bacaan ini untuk si mati.*

- 9.8 Apa-apa amalan soleh yang diniatkan pahalanya untuk si mati. Majoriti para ulama yang mengharuskan dalam bab ini mengatakan bahawa apa-apa amalan soleh yang diniatkan untuk si mati secara ikhlas tanpa sebarang kepentingan dunia adalah diharapkan sampai pahalanya kepada si mati. Ini merangkumi apa-apa sahaja amalan yang disukai oleh Allah SWT.

NOTA

Disediakan oleh:
Bahagian Fatwa, Jabatan Mufti Negeri Perlis

Disahkan oleh:
Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis
Kertas Fatwa Bil. 2 / 58 Tahun 2022
pada 29–30 Julai 2022

Diperakukan oleh:
Persidangan Mesyuarat Majlis Agama Islam dan
Adat Istiadat Melayu Perlis Bil. 4 / 2022
pada 5 Ogos 2022.



**JABATAN MUFTI NEGERI PERLIS,
TINGKAT 1, BLOK A,
BANGUNAN DATO' MAHMUD MAT,
01000 KANGAR, PERLIS
TEL: 04-9794428
FAX: 04-9763844**



**MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT
MELAYU PERLIS (MAIPs),
A2, TAMAN PENGKALAN ASAM,
JALAN TUANKU SYED PUTRA,
01000 KANGAR, PERLIS
TEL: 04-9794439 / 04-9794434 / 04-9794438
FAX: 049782400**

ISBN 978-629-97076-2-2



9 786299 707622